

KPM diarah segera inisiatif tingkat penguasaan bahasa Inggeris murid

Perdana Menteri mahu kaedah lama dalam laksana dasar berkaitan diubah

Oleh Mohd Iskandar Ibahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Kementerian Pendidikan (KPM) menyegerakan inisiatif bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah.

Perdana Menteri berkata, kaedah lama dalam melaksanakan dasar kerajaan berkaitan usaha itu perlu diubah dan perancangan reformasi pendidikan negara seperti yang ditetapkan kerajaan perlu dipercepatkan.

Beliau berkata, usaha melaksanakan reformasi dasar dan institusi itu memerlukan pembaharuan dari segi pendekatan dan kaedah, mengambil pemerkasaan bahasa Inggeris sebagai contoh.

"Selain memantapkan bahasa Melayu, adalah untuk memberikan sedikit anjakan, iaitu memastikan penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua itu cukup mantap dalam kala-



Anwar bersama Menteri Kewangan II, Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (dua dari kiri); Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying (kiri); Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar (tengah); Akauntan Negara Malaysia, Nor Yati Ahmad; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican (kanan) pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

ngan pelajar, terutama pada peringkat menengah.

"Kalau ikut unjuran biasa, keputusan kita (pada tahun) 2023, (dasar) akan dirangka tahun 2024 dan akan diputuskan 2025.

"Akan dimulakan rancangan ujian pula pada 2026 dan (bermula) 2027 dijalankan peringkat awal, manakala (pada) 2028 baru dapat cuba laksanakan. Tak boleh lagi perencananan begitu, itu perencananan lama," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian

Kewangan, di sini semalam.

"Kita bicara soal reformasi institusi bagi rakyat, (tetapi) dia tidak lihat kesannya. Ini masalah yang disebutkan *disconnect* antara dasar dan prakarsa baharu yang kita bentangkan dengan (tujuan memberi) manfaat secara langsung dalam kalangan rakyat," katanya.

Penguasaan dwibahasa

Pada 2023, Anwar mahu mutu penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid diperting-

katkan mulai 2024, manakala kedudukan bahasa Melayu dikuasai tanpa tolak ansur.

Beliau dilaporkan berkata, ini kerana penguasaan sekurang-kurangnya dwibahasa penting dan menjadi penekanan dalam kalangan negara maju.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, beliau tidak menafikan kerenah dan kerumitan dalam melaksanakan perubahan itu disebabkan oleh kerencanan dalam sistem negara.

"Kalau keputusan itu (dibuat)

2023, peluncuran dan pelaksanaannya harus 2024, manakala 2025 diperkembangkan ke peringkat keseluruhan.

"Saya tidak nafikan kerenah dan kerumitan kerana kerencanan dalam sistem kita, alirannya dan latihan gurunya, tetapi kalau kita ikut kaedah lama kita akan ketinggalan, itu isunya," katanya.

Justeru, beliau menegaskan jentera kerajaan perlu digerakkan dan bertindak pantas demi menyelamatkan negara.